

Be Internet Awesome.

Google

# Pintar Peka Mantap Baik Hati Berani

Panduan Keluarga



# Be Internet Awesome.

Ibu Bapa dan Penjaga yang dihormati,

Pengajaran keselamatan dan perilaku digital merupakan komponen yang amat penting di dalam kelas hari ini, namun rumah tetap menjadi sumber pembelajaran kanak-kanak, termasuk untuk pembentukan tabiat dalam talian yang sihat.

Teknologi cepat berubah. Mengikuti perkembangan terkini teknologi bukan mudah. Kami telah menghasilkan panduan ini untuk membantu keluarga mengamalkan tabiat digital yang baik dalam kehidupan seharian. Panduan ini akan membantu anda dan anak-anak berbincang, mempelajari dan berfikir tentang keselamatan dalam talian bersama-sama:


**Pintar**, Berhati-hati Apabila Berkongsi  
**Peka**, Jangan Terpedaya dengan yang Palsu  
**Mantap**, Lindungi Rahsia Anda  
**Baik Hati**, Jadi Baik Hati adalah Bijak  
**Berani**, Jika Waswas, Berbincanglah

Setiap bidang ini merupakan komponen utama bagi program Be Internet Awesome yang kian banyak digunakan di sekolah-sekolah di seluruh negara dan dunia. Jika anak anda menggunakan program Be Internet Awesome di sekolah, panduan ini akan membantu anda mengikuti dan mengukuhkan perkara yang mereka pelajari di dalam bilik darjah.

Sebagai contoh, permainan dalam talian interaktif Interland yang ada di dalam Be Internet Awesome juga boleh dimain di rumah. Anak anda boleh menunjukkan cara bermain permainan ini, malah mungkin mengajak anda bermain bersama!

Kami telah mencipta panduan ini untuk menjadi sumber untuk membantu keluarga anda mempelajari keselamatan dan perilaku dalam talian. Selain permainan Interland untuk setiap lima pelajaran, anda akan menjumpai perbendaharaan kata dan isi perbincangan untuk digunakan di dalam aktiviti keluarga yang akan membantu membina asas kukuh untuk penggunaan Internet yang selamat dan berjaya.

Selamat menerokai program Be Internet Awesome untuk keluarga bersama-sama!

Yang benar,  
Pasukan Be Internet Awesome  
dan Internaut 





Jadilah Si Pintar Internet

04

## **Berhati-hati Apabila Berkongsi**



Jadilah Si Peka Internet

11

## **Jangan Terpedaya dengan yang Palsu**



Jadilah Si Mantap Internet

15

## **Lindungi Rahsia Anda**



Jadilah Si Baik Hati Internet

19

## **Jadi Baik Hati adalah Bijak**



Jadilah Si Berani Internet

24

## **Jika Waswas, Berbincanglah**



Google

30

## **Family Link**

# Berhati-hati Apabila Berkongsi

Berita baik (dan buruk) mudah tersebar. Jika tidak beringat, kanak-kanak boleh terperangkap dalam situasi sukar yang mempunyai kesan berpanjangan.

Penyelesaiannya? Belajar cara berkongsi maklumat dengan orang yang dikenali dan tidak dikenali oleh kanak-kanak.



---

## Matlamat

- ✔ **Memahami** jenis maklumat yang boleh dikongsi dan perkara yang harus dirahsiakan atau hanya dikongsi dalam keluarga.
- ✔ **Berbincang** tentang perkara yang boleh anak anda lakukan jika mereka tidak pasti apa yang boleh dikongsi dan dengan siapa.
- ✔ **Mempelajari** cara melihat privasi dari perspektif yang berbeza.

---

## Sebelum Anda Bermula

Privasi dalam talian kita banyak bergantung pada perkara yang kita kongsi dan tidak kongsi tentang diri kita dan keluarga kita - terutamanya di media sosial. Oleh itu, kanak-kanak harus mengenal pasti apa yang boleh dan tidak boleh dikongsi. Ini merupakan kemahiran yang boleh dipupuk melalui latihan, bermula dari rumah.

Antara kemahiran ini ialah mengenal dua jenis perkongsian iaitu dalaman (perkara yang anda kongsi dengan ahli keluarga sahaja) dan luaran (perkara yang anda kongsi dengan orang di luar keluarga).

### **Berkongsi bersama keluarga:**

Banyak keluarga menggunakan peranti yang dikongsi dengan anak-anak - untuk mencari maklumat, bercakap dengan datuk nenek yang jauh, membuat pembelian, bermain permainan atau menonton video apabila ibu atau bapa sibuk. Namun, penting untuk anda memahami risiko dalam berkongsi peranti.

Jika peranti itu milik anda, anda mendedahkan kepada anak anda tetapan, kenalan, kata laluan dan maklumat kad kredit pada peranti tersebut. Seseengah maklumat ini mungkin tidak sesuai untuk mereka lihat, gunakan atau kongsi. Kanak-kanak mungkin menggunakan peranti ibu bapa untuk memuat turun apl dan mendaftar untuk perkara yang tidak dipersetujui ibu bapa. Fikir baik-baik sebelum memulakan tabiat perkongsian kata laluan dalam kalangan ahli keluarga (sebaik-baiknya jangan). Pada akhirnya, kami mahu anda memanfaatkan panduan ini dalam membuat pilihan terbaik untuk keluarga anda.

### **Berkongsi di luar keluarga:**

Kehidupan dalam talian kita mencerminkan kehidupan seharian kita: terdapat maklumat peribadi dan keluarga yang tidak perlu diketahui oleh orang selain daripada ahli keluarga seperti kata laluan, alamat, tarikh dan destinasi percutian, dan siapa di dalam keluarga anda yang bakal melahirkan anak.

Mungkin ada banyak lagi. Buat permulaan, semak perbendaharaan kata bagi bab ini, kemudian lihat empat senario privasi kami. Seterusnya, berlatih bersama keluarga anda supaya semua faham perkara yang sesuai dan tidak sesuai untuk dikongsi.

## **Perbendaharaan kata**

### **Privasi dalam talian**

Istilah luas yang biasanya merujuk kepada keupayaan untuk mengawal maklumat yang anda kongsi tentang diri anda dalam talian dan siapa yang boleh melihat dan mengongsikan maklumat tersebut.

### **Jejak digital**

(atau "digital footprint")

Segala maklumat tentang diri anda di dalam talian, daripada foto, audio, video dan teks kepada "suka" dan komen yang anda siarkan pada profil rakan. Sama seperti tapak kaki anda yang meninggalkan jejak di atas tanah semasa anda berjalan, apa-apa yang anda siarkan di dalam talian juga meninggalkan jejak.

### **Reputasi**

Idea, pendapat, tanggapan atau kepercayaan orang lain tentang anda; sesuatu yang kita tidak tahu namun harapan kita semuanya positif atau baik.

### **Maklumat peribadi**

Maklumat yang merujuk kepada orang tertentu. Contohnya, nama anda, alamat jalan, nombor telefon, nombor IC, alamat e-mel, dsb., dipanggil maklumat peribadi (atau sensitif). Berfikir baik-baik sebelum berkongsi maklumat sebegini di dalam talian.

### **Terlebih berkongsi**

Berkongsi terlalu banyak di dalam talian, biasanya berkongsi terlalu banyak maklumat peribadi atau perkara tentang diri anda dalam perbualan dalam talian.

### **Tetapan**

Bahagian dalam mana-mana produk digital, apl, laman web, dsb., yang membolehkan anda menentukan atau melaraskan perkara yang anda kongsi dan cara akaun anda dikendalikan - termasuk tetapan privasi anda.

## Aktiviti Keluarga

### Senario 1

#### Senario privasi: Apakah yang akan anda lakukan?

Anak-anak anda sangat teruja tentang perjalanan yang anda rancang untuk menziarahi datuk dan nenek mereka dan anda juga begitu. Salah seorang daripada mereka menggunakan telefon anda untuk menyiarkan siaran tentang perjalanan itu pada profil media sosial anda - tarikh anda bertolak dan destinasi, menyiarkan foto dan "menanda" semua orang, termasuk datuk dan nenek mereka - dalam siaran tersebut. Adakah anda...

- Meminta mereka memadamkan siaran itu kerana tindakan menyiarkan tarikh dan lokasi percutian pada media sosial adalah tidak bijak kerana mereka seolah-olah "mengumumkan" bahawa tiada sesiapa akan berada di rumah pada masa itu?
- Tanya mereka sama ada mereka telah mendapat kebenaran daripada datuk dan nenek untuk menyiarkan foto tersebut dan menandakan mereka dalam media sosial?
- Ingatkan mereka agar sentiasa meminta kebenaran daripada sesiapa yang termasuk dalam gambar dan sesiapa yang mereka bualkan di dalam talian sebelum menyiarkan sesuatu tentang mereka?
- Ingatkan mereka boleh bertanya anda pada bila-bila masa jika mereka tidak pasti sama ada boleh berkongsi sesuatu di dalam talian atau tidak?

**Panduan untuk ibu bapa:** Semua ini adalah perkara yang baik untuk dibincangkan sebagai sebuah keluarga. Anda mungkin sudah pun memberitahu anak-anak bahawa tindakan menyiarkan ketiadaan anda di rumah tidak wajar. Kanak-kanak juga perlu sedar bahawa setiap orang mempunyai tahap keselesaan yang berbeza tentang perkara yang dikongsi secara terbuka mengenai mereka.

### Senario 2

Adik perempuan anda baru sahaja memberitahu keluarga bahawa dia hamil dan anak-anak anda teruja kerana mereka akan mendapat sepupu kecil. Anak sulung anda menyiarkan foto ibu saudara dan bapa saudaranya dengan kapsyen mereka bakal menimang cahaya mata, tetapi anda mendengarnya hanya selepas menerima teks daripada adik anda: "Hei, bagaimana ibu dan ayah tahu bahawa saya mengandung? Saya belum beritahu mereka!". Adakah anda...

- Berbincang dengan anak-anak tentang kebahagiaan mendapat anak, tetapi berita itu juga merupakan maklumat yang sangat peribadi... anda tahu mereka teruja, tetapi terpulang kepada orang yang mengandungi untuk memutuskan masa, cara dan dengan siapa mereka akan berkongsi berita itu?
- Memberitahu anak anda bahawa anda tahu niatnya baik tetapi dia perlu memadamkan siaran tersebut dengan segera dan menghubungi ibu saudaranya untuk meminta maaf kerana menyiarkan sesuatu tentangnya tanpa kebenarannya?
- Berbincang sebagai sebuah keluarga tentang pelbagai jenis maklumat yang boleh dikongsi di media sosial khususnya apa yang sesuai dalam keluarga terdekat, dengan saudara mara, dengan rakan-rakan, dengan semua orang.

**Panduan untuk ibu bapa:** Ada baiknya anda berbincang apabila situasi yang sesuai timbul; anda tidak perlu tergesa-gesa untuk membincangkan kesemuanya sekali gus. Jangan jadikan perbincangan ini terlalu berat. Didikan ini tidak jauh berbeza daripada didikan oleh kebanyakan keluarga kepada anak-anak mereka tentang menghormati privasi. Salah satu matlamat panduan ini adalah untuk mengaitkan didikan tersebut dengan penggunaan teknologi.

### Scenario 3

Anda sedang menyediakan makan malam dan anak anda yang merupakan murid tahun 5 memberitahu anda bahawa dia telah menyelesaikan semua kerja rumahnya dan "tidak sabar untuk bermain permainan ini" yang menurut semua rakannya dia perlu cuba. Dia merayu supaya dibenarkan memuat turun apl tersebut pada tablet anda dan bermain sehingga makan malam. Pilihan anda:

- Anda telah menetapkan peraturan asas yang kukuh tentang penggunaan tablet anda olehnya, termasuk tidak menukar kata laluan, menghubungi kenalan atau memuat turun apl tanpa kebenaran anda. Dia sentiasa jujur tentang perkara yang mahu dilakukannya pada tablet anda, jadi anda memberitahunya bahawa dia boleh memuat turun dan bermain permainan tersebut.



- Anda tidak pasti sama ada semua permainan yang dimainkan oleh rakannya sesuai untuknya atau tidak, jadi anda memberitahunya bahawa dia boleh memuat turun permainan itu, tetapi dia perlu menunggu sehingga selepas makan malam supaya anda boleh menyemak permainan itu dan memastikannya sesuai untuk dimainkannya.
- Anda membenarkannya memuat turun permainan tersebut, namun keluarga anda mengamalkan perkongsian peranti. Anda tidak berkongsi kata laluan walaupun sesama ahli keluarga. Oleh itu, anda meminta dia membawa tablet anda supaya anda boleh membuka kunci tablet tersebut untuknya.
- Dia tahu kata laluan anda tetapi anda ingin memahami permainan itu jadi anda meminta dia menunggu sehingga selepas makan malam. Anda meminta dia mencari perkara lain untuk dilakukan sambil menunggu makan malam.

**Panduan untuk ibu bapa:** Pilihan yang tepat bergantung pada keluarga anda dan “peraturan rumah” yang telah anda tetapkan untuk memastikan keselamatan peranti dan penggunaan Internet. Jika anda masih belum menetapkan peraturan tentang kata laluan, perkongsian peranti, muat turun apl dan bermain permainan, mungkin mencuba salah satu daripada pilihan di atas akan membantu menetapkan asas untuk “peraturan rumah” anda sendiri.

#### Scenario 4

Anak perempuan anda datang kepada anda dan memberitahu anda bahawa terdapat seorang kanak-kanak perempuan di sekolah yang menyiarkan sesuatu di media sosial tentang kawan baiknya. Cerita itu benar namun rahsia, dan siaran itu benar-benar memalukannya. Anak perempuan anda berkata dia berasa sangat sedih dan simpati dengan rakannya. Adakah anda:

- Bincangkan situasi ini apabila seluruh keluarga berkumpul dan tanyakan mereka makna “privasi” baik di dalam talian mahupun di luar talian? Mengapakah penting untuk menghormati privasi orang lain sama seperti privasi kita?

- Tanya anak perempuan anda, mahukah dia menawarkan bantuan kepada rakannya dengan meminta kanak-kanak yang berkenaan memadamkan siaran tersebut dan memberitahunya mengapa dia ingin membantu (tanya anak anda dahulu sama ada dia selesa berbuat demikian)?
- Mencuba kedua-dua di atas?

**Panduan untuk ibu bapa:** Banyak iktibar penting boleh dipelajari di media sosial. Sama seperti dalam kehidupan sebenar, membincangkan situasi negatif sebagai sebuah keluarga dan mengatur langkah seterusnya bersama-sama boleh mengubah situasi negatif menjadi peluang untuk anak-anak belajar perkara yang bermakna.

**Jadilah Si Pintar  
Internet**



**Gunung Waspada (“Mindful Mountain”)**

OK. Anda dilengkapi dengan maklumat dan sedia untuk berkongsi. Namun sebelum mula beraksi dan menggunakan Internet, mari kita uji pengetahuan anda. Pusat bandar Interland yang bergunung-ganang, tempat semua orang bergaul dan bertembung antara satu sama lain, merupakan tempat yang terbaik untuk mempamerkan kemahiran baharu anda.

Akan tetapi anda mesti berhemah tentang perkara yang anda kongsi dan orang yang menerima perkongsian tersebut. Ini kerana maklumat bergerak pada kelajuan cahaya... dan terdapat pengongsi tegar dalam kalangan Internaut.

Buka pelayar web pada desktop atau peranti mudah alih anda dan lawati [g.co/MindfulMountain](http://g.co/MindfulMountain)

# Jangan Terpedaya dengan yang Palsu

Penting untuk membantu kanak-kanak menyedari bahawa perkara yang mereka lihat di dalam talian tidak semestinya benar, nyata atau boleh dipercayai.

Kemampuan untuk membezakan antara yang benar dan yang palsu adalah penting untuk keselamatan dalam talian dan menjadi warga digital yang baik.



---

## Matlamat

- ✔ **Memahami** bahawa bukan semua perkara yang ada di Internet itu benar.
- ✔ **Mempelajari** cara carian dalam talian berfungsi dan mengapa penting untuk menggunakan pemikiran kritis semasa mencari maklumat dan kandungan lain di Internet.
- ✔ **Menilai** hasil carian, laman web dan sumber maklumat lain dan berwaspada terhadap misinformasi, “berita palsu” dan disinformasi.

---

## Sebelum Anda Bermula

Carian dalam talian penting dalam kehidupan sehari-hari dan merupakan sebahagian daripada kehidupan keluarga, lama sebelum anak-anak mula bersekolah. Belajar untuk berfikir secara kritis tentang hasil carian dan cara enjin carian berfungsi merupakan salah satu kemahiran paling asas dan berguna yang boleh dipelajari bersama-sama oleh keluarga.

### Apakah itu “carian”?

| Carian 

Internet membolehkan kita mencari maklumat dengan menggunakan enjin carian yang menyusun maklumat dan menjadikannya lebih mudah dan lebih pantas ditemukan. Namun, kita harus membangunkan keupayaan untuk membezakan antara perkara yang benar, tidak benar dan boleh dipercayai. Kecerdasan manusia masih merupakan teknologi yang terbaik untuk tujuan ini. Walaupun demikian, otak kita perlu dilatih untuk membuat “semakan realiti” di Internet. Lihat aktiviti selepas bahagian perbendaharaan kata yang akan membantu keluarga anda menjadi pencari dalam talian yang bijak!

## Perbendaharaan kata

### Enjin carian

Atur cara yang mencari dan mengenal pasti maklumat dalam pangkalan data yang sepadan dengan pertanyaan pengguna.

### Perangkak web

Juga dipanggil "**bot**" - atur cara yang berjalan dalam perisian enjin carian yang sentiasa "merangkak" di Internet untuk mengatur atau "mengindekskan" kandungan pada semua laman dan pangkalan data yang dilawatinya untuk memberikan respons kepada pertanyaan anda dalam kotak carian.

### Pembantu maya

Sama seperti perangkak web, pembantu maya mendapatkan maklumat daripada pangkalan data carian, maklumat pengguna dan laman web lain untuk membantu menjadikan hidup lebih mudah dengan menjawab soalan secara automatik, mengikut arahan (seperti memberikan pandu

arah ke rumah rakan baharu anda) atau melakukan tugas mudah (seperti memainkan lagu).

### Hasil carian

Senarai laman web dan sumber lain yang dipaparkan pada halaman enjin carian sebagai respons kepada perkara yang dicari pengguna.

### SafeSearch

Ciri yang boleh dihidupkan oleh ibu bapa untuk menapis kandungan yang dianggap tidak sesuai dalam carian; ciri ini boleh dihidupkan atau dimatikan pada bila-bila masa.

### Misinformasi

Maklumat yang palsu, tidak benar, mengelirukan atau tidak tepat.

### Disinformasi

Maklumat salah (lihat di atas) yang sengaja dibuat untuk mengelirukan atau memperdaya orang ramai,

termasuk propaganda daripada musuh politik atau kerajaan lain.

### Boleh disahkan

Sesuatu yang boleh dibuktikan atau ditunjukkan sebagai benar atau betul.

### "Scam" Penipuan

Palsu; tindakan atau mesej yang direka untuk memperdaya, mengenakan helah atau mengelirukan seseorang.

### Manipulasi

Seseorang atau sekumpulan orang yang mengawal atau mempengaruhi orang atau situasi lain secara tidak adil, tidak jujur atau sebagai ancaman. Manipulasi juga boleh bermakna maklumat, data atau imej yang telah diedit atau disampaikan di luar konteks untuk membuat anda percaya sesuatu yang tidak benar.

## Aktiviti Keluarga

### Menjadi pencari web yang pintar

- Duduk bersama-sama keluarga di hadapan tablet atau komputer dan pergi ke halaman utama enjin carian kegemaran anda.
- Semak sama ada ciri *SafeSearch* dihidupkan atau tidak. (Ciri ini boleh didapati dalam "tetapan" Google Search anda.)
- Pilih topik yang diminati anak anda (atlet profesional, usaha murni kegemaran mereka, pelakon atau artis muzik, filem atau pengarang yang sangat digemari, dsb.) dan taip topik tersebut dalam kotak carian.

## ◆ Jangan Terpedaya dengan yang Palsu

- Klik pelbagai hasil yang dipaparkan, baik daripada hasil yang dipaparkan di bahagian atas mahupun daripada hasil yang dipaparkan beberapa halaman yang berikutnya. Tanya perasaan mereka tentang hasil yang dipaparkan berhampiran bahagian atas berbanding hasil yang dipaparkan pada beberapa halaman berikutnya. Adakah mereka lebih mempercayai hasil yang di atas berbanding yang di bawah? Mengapa atau mengapa tidak?
- Adakah terdapat sebarang hasil yang anda atau anak-anak anda tidak klik? Mengapa? (Adakah hasil tersebut “ditaja” atau iklan? Mengapa anda mengklik/tidak mengklik pada hasil tersebut? Adakah terdapat sumber yang anda elakkan? Mengapa?)
- Bincangkan tentang sumber dan kualiti maklumat, halaman “Perihal” pada laman, dsb.
- Berikut ialah beberapa contoh soalan yang boleh anda tanya kepada satu sama lain: Jika anda mencari artis atau atlet selebriti, adakah kandungannya positif yang mungkin menandakan laman penaja atau peminat)? Jika maklumat pada laman tersebut negatif atau mengkritik, bolehkah anda cari lebih lanjut punca kritikan tersebut? (Halaman “Perihal Kami”, maklumat tentang latar belakang atau bukti kelayakan pemilik laman?) Sama ada positif atau negatif, bolehkah anda ketahui sama ada sumber ini benar-benar tahu perkara yang mereka perkatakan atau sekadar berkongsi pendapat? Jika laman itu ialah laman berita, adakah laman itu laman yang terkenal yang anda rasa boleh dipercayai? Jika tidak, cuba buat carian terhadap laman itu untuk mengetahui sama ada orang ramai berasa laman itu cuba menyampaikan maklumat dengan cara yang seimbang atau tidak.
- Soalan adalah bagus dan sebagai sebuah keluarga, anda pasti boleh memikirkan soalan anda. Berfikir secara kritis tentang perkara yang kita temukan dalam carian dalam talian merupakan asas bagi kecelikan digital dan langkah pertama yang penting untuk kekal selamat di dalam talian.

### Jadilah Si Peka Internet




### Sungai Realiti (“Reality River”)

Memandangkan anda telah mempelajari cara untuk kekal peka dalam talian, uji kemahiran anda. Sungai yang mengalir di Interland mengalir dengan fakta dan fiksi. Akan tetapi sesuatu perkara itu tidak selalunya benar seperti yang dilihat. Untuk menyeberangi sungai, gunakan pertimbangan terbaik anda.

Buka pelayar web pada desktop atau peranti mudah alih anda dan lawati [g.co/RealityRiver](http://g.co/RealityRiver)

# Lindungi Rahsia Anda

Keselamatan maklumat, akaun dan peranti anda adalah sama pentingnya dengan privasi anda. Kata laluan kukuh dan komitmen untuk tidak mendedahkannya adalah penting untuk melindungi peranti, identiti, reputasi dan hubungan keluarga anda.



## Matlamat

- ✔ **Memahami** sebab keselamatan digital penting dan cara untuk mewujudkannya.
  - ✔ **Mempelajari** cara membina kata laluan kukuh.
- 

## Sebelum Anda Bermula

Tahukah anda bahawa pada tahun 2017, dua kata laluan paling popular yang digunakan oleh orang ramai ialah "123456" dan "kata laluan"? Kata laluan melindungi keselamatan peribadi, peranti, identiti, reputasi dan perhubungan kita. Kata laluan yang lemah memudahkan penjenayah mendapatkan maklumat kita. Salah satu perkara paling asas yang boleh kita ajarkan kepada anak-anak kita ialah cara membina kata laluan kukuh.

Petua terbaik untuk membuat dan memastikan kata laluan kita kukuh adalah dengan:

- Menjadikannya mudah diingati tetapi elakkan daripada menggunakan maklumat peribadi seperti tarikh lahir atau nama haiwan peliharaan.
- Gunakan gabungan huruf besar, huruf kecil, simbol dan nombor.
- G@n+ik@n h^r^f dengan s!mb0l & n0mb0r s3p3rt1 1n1 (ini mempunyai dua kelebihan: memastikan kata laluan itu sendiri mudah diingat sambil menjadikannya lebih sukar untuk direngkahkan oleh atur cara)
- Lapan atau lebih aksara - lebih panjang lebih baik.
- Tukar kata laluan anda - jangan gunakan kata laluan yang sama pada beberapa laman dan peranti yang berlainan, tetapi anda boleh membuat variasi yang berbeza untuk kata laluan yang sama untuk akaun yang berbeza.
- Sentiasa gunakan kunci skrin pada peranti anda.
- Pertimbangkan untuk menggunakan pengurus kata laluan: apl atau alat yang menjejaki kata laluan anda sekiranya anda terlupa satu atau dua kata laluan (kebanyakan pelayar web terkini mempunyai ciri keselamatan yang akan melakukannya untuk anda).



## Perbendaharaan kata

### Keselamatan

Melindungi peranti dan akaun serta maklumat.

### Kata laluan

Gabungan rahsia huruf, nombor dan simbol yang digunakan untuk mengakses sesuatu. Bentuknya mungkin berbeza-beza; contohnya, anda mungkin mempunyai kod empat digit untuk mengunci telefon atau tablet anda, atau kata laluan yang lebih rumit untuk e-mel, media sosial atau akaun bank anda. Secara umumnya, anda harus menjadikan kata laluan anda serumit yang boleh sambil memastikannya masih dapat diingat.

### Pengesahan 2 langkah

*(Juga dipanggil pengesahan dua faktor dan pengesahan dua langkah)*

Proses keselamatan yang memerlukan bukan sahaja kata laluan dan nama pengguna tetapi juga sesuatu yang hanya anda miliki secara fizikal untuk menyukarkan penceroboh mendapatkan akses kepada (atau mencuri) data atau identiti seseorang. Contohnya ialah akaun yang memerlukan anda memasukkan kod sensitif masa yang dihantar ke telefon atau e-mel anda selepas anda memasukkan kata laluan anda.

### Penyulitan

Proses yang membantu melindungi maklumat (seperti mesej yang anda hantar di dalam talian) dengan mencampurkan data tersebut dan menyukarkannya untuk dinyahkod.

### Kerumitan

Matlamat penciptaan kata laluan yang selamat. Kata laluan dianggap rumit apabila kata laluan itu mengandungi campuran nombor, aksara khas (seperti "\$" atau "&") dan huruf kecil dan juga huruf besar. Panjang (bilangan aksara) juga menambah kerumitan.

### Penggodam

Orang yang menggunakan komputer untuk mencapai peranti dan data orang lain atau organisasi tanpa kebenaran.

---

## Aktiviti Keluarga

### Bina kata laluan kukuh bersama-sama

#### Nota sebelum anda memulakan aktiviti berikut:

Untuk aktiviti seisi keluarga ini, kami mengesyorkan anda sekadar menggunakan kata laluan pura-pura. Mengapa? Kerana anda patut membiasakan diri untuk tidak berkongsi kata laluan. Tidak dengan sahabat baik, sepupu malah ahli keluarga terdekat. Kata laluan adalah peribadi.

Kata laluan melindungi hak sesetengah orang (contohnya ibu bapa) untuk memberi kebenaran, dan tidak memberi hak tersebut kepada orang lain (contohnya anak-anak). Kata laluan juga melindungi anda daripada menjadi mangsa usikan, penyamaran sebagai anda, penggunaan peranti anda untuk memalukan anda atau penciptaan profil anda yang palsu.

1. Fikirkan tentang frasa yang menarik atau peristiwa yang mudah diingat. Boleh jadi filem kegemaran keluarga anda, buku kanak-kanak, tahun dan sekolah menengah tempat salah seorang anak anda akan menamatkan persekolahannya, dsb.  
**Contoh:** Upin Ipin akan tamat pengajian daripada Kolej Tunku Kurshiah pada tahun 2022.
2. Gunakan huruf pertama daripada beberapa atau semua perkataan dalam frasa atau tajuk tersebut.  
**Contoh:** UpinIpinakTKKurshiahthn22
3. Tukar beberapa huruf kepada nombor dan beberapa huruf yang lain kepada simbol  
**Contoh:** Up!n!p!nakTKKursh1@h+hn22
4. Gantikan beberapa huruf dengan huruf besar dan beberapa huruf yang lain dengan huruf kecil  
**Contoh:** Up!n!p!nakTKKursh1@h+hn22

OK! Anda telah mencipta kata laluan yang amat kukuh bersama-sama.

**Seterusnya:** Semua orang berazam untuk mencipta kata laluan kukuh, menyemaknya dengan kerap dan tidak mengongsikannya dengan sesiapa pun. Jika anda berkongsi peranti, tentukan orang yang “memiliki” peranti tersebut (dan kata laluan). Orang lain yang ingin menggunakan peranti yang bukan “miliknya”, mereka perlu meminta pemilik untuk membuka kunci peranti tersebut.

Jadilah Si Mantap  
Internet



### Menara Khazanah (“Tower of Treasure”)

Memandangkan anda telah mempelajari cara untuk melindungi maklumat anda, mari kita uji kemantapan anda dalam talian. Mayday! Menara Khazanah tidak berkunci dan mendedahkan benda berharga Internaut (seperti maklumat hubungan dan mesej peribadi).

Lawan penggadam dan bina kubu dengan kata laluan kukuh untuk melindungi rahsia anda buat selama-lamanya.

Buka pelayar web pada desktop atau peranti mudah alih anda dan lawati [g.co/TowerOfTreasure](http://g.co/TowerOfTreasure)

# Jadi Baik Hati adalah Bijak

Internet merupakan alat komunikasi yang luar biasa. Lihat sahaja bagaimana Internet digunakan untuk menyebarkan sama ada maklumat yang memberikan inspirasi dan menaikkan semangat, atau komen dan pendapat yang mengejutkan dan penuh kebencian. Ya, malangnya Internet itu sendiri tidak membezakan antara kebaikan dan keburukan.

Di sinilah pentingnya peranan keluarga. Keluarga boleh mempengaruhi anak-anak dalam membantu mereka “mengambil tindakan yang betul”, dengan menjadi contoh teladan “melayan orang lain sepertimana anda mahu dilayan”. Anak-anak boleh dididik supaya menyokong rakan mereka dan meleraikan drama serta pembulian siber.



## Matlamat

- ✔ **Mentakrifkan** erti tingkah laku yang positif dalam keluarga anda.
  - ✔ **Memahami** kebaikan dan cara menzahirkannya di dalam talian dan menerusi peranti.
  - ✔ **Mengenal pasti** situasi di mana lebih baik menunggu untuk berkomunikasi secara bersemuka daripada menghantar teks atau menyiarkan siaran di dalam talian - dan masa untuk meminta bantuan daripada ibu bapa atau adik-beradik yang lebih tua.
- 

## Sebelum Anda Bermula

Apabila kita membuat kesilapan (sesuatu yang amat mudah berlaku dalam talian), keluargalah yang biasanya lebih memahami dan bersedia memaafkan serta membantu kita dalam belajar daripada kesilapan. Keluarga merupakan tempat terbaik untuk mula mengamalkan rasa hormat-menghormati, kebaikan hati dan kemurnian semasa dalam talian. Keluarga boleh menjadi tempat mengadu di saat kita dilayan dengan buruk. Keluarga juga boleh menjadi pendorong untuk menjadi "pembela", iaitu orang yang membela mangsa tingkah laku kejam atau berniat jahat.

Bincangkan tentang jenis tindakan dan tingkah laku yang penting. Bincangkan tentang cara keluarga anda melayan orang lain. Fikirkan tentang layanan ini dalam bentuk digital: teks, siaran, komen, foto dan video.

Untuk membantu kami sediakan beberapa perbendaharaan kata untuk membantu anda memahami tingkah laku positif/negatif dan aktiviti untuk membantu menunjukkan akibat menghantar teks dan mesej digital lain secara cuai.

## Perbendaharaan kata

### Membuli

Tingkah laku jahat yang disengajakan yang biasanya diulang-ulang. Orang yang menjadi sasaran seringkali mengalami kesukaran untuk mempertahankan diri.

### Pembulian siber

Pembulian yang berlaku di dalam talian atau melalui penggunaan peranti digital. Pembulian siber termasuk menghantar, menyiarkan atau berkongsi kandungan yang negatif, memudaratkan, palsu atau jahat serta berkongsi maklumat peribadi atau sulit tentang orang lain yang menyebabkan seseorang berasa malu atau diaibkan.

### Gangguan

Istilah yang lebih umum daripada buli yang boleh berlaku dalam pelbagai bentuk - mengganggu, menjengkelkan, menakutkan, mengusik, dsb. - dan boleh berlaku di dalam talian juga.

### Konflik

Perbalahan atau perselisihan faham yang tidak berulang-ulang.

### “Drama”

Istilah bahasa percakapan yang lebih banyak digunakan oleh pelajar berbanding orang dewasa yang merujuk kepada set tingkah laku yang luas: daripada mencari perhatian rakan sebaya dan menyebarkan gosip, kepada konflik umum yang berlaku antara dua atau lebih pelajar, kepada konflik

serius yang membahayakan fizikal atau mengganggu emosi. Drama berbeza daripada buli kerana ketidakseimbangan kuasa biasanya tidak wujud dalam konflik jenis ini - pihak yang terlibat biasanya boleh menjadi mangsa dan penyerang pada masa yang berbeza. Ini tidak bermakna bahawa tingkah laku itu tidak berbahaya atau tidak akan bertambah buruk. “Drama” antara pelajar yang “meletup” atau lama-kelamaan selesai dengan sendirinya atau mungkin memerlukan campur tangan luar.

### Penyerang

Orang yang melakukan gangguan atau pembulian; kadangkala dipanggil “pembuli”.

### Sasaran

Orang yang dibuli, diganggu atau dijadikan mangsa.

### Pemerhati

“Bystander”. Saksi gangguan atau pembulian yang menyedari situasi tersebut tetapi tidak campur tangan.

### Pembela

Saksi gangguan atau pembulian yang membela mangsa secara tertutup atau terbuka. Antara tindakan pembela termasuk cuba menghentikan dan/ atau melaporkan kejadian yang mereka saksikan.

### Sekat

Memutuskan hubungan dengan seseorang di dalam

talian, menghalang mereka daripada melihat profil anda, menghantar mesej kepada anda, melihat siaran anda, dsb., tanpa memberitahu mereka. Ini dapat menghentikan interaksi di dalam talian (melalui saluran terbabit) dengan pembuli tetapi mungkin tidak menamatkan gangguan itu sendiri; pembuli masih boleh memburuk-burukkan mangsa walaupun mangsa buli mengabaikannya.

### Redam

Kurang “muktamad” berbanding menyekat, meredam ialah cara untuk berhenti melihat siaran, komen, dsb. daripada orang lain dalam suapan media sosial anda apabila komunikasi itu menjadi menjengkelkan - tanpa memberitahu orang itu atau diredam daripada suapan mereka (Jika seseorang berterusan membuli anda, mungkin lebih baik untuk menyekat sahaja mereka).

### Menghasut

Menyiarkan siaran atau memberikan komen di dalam talian dengan cara yang sengaja dibuat kejam, menyinggung perasaan atau provokatif.

### Laporkan penyalahgunaan

Menggunakan alat atau sistem dalam talian perkhidmatan media sosial untuk melaporkan gangguan, pembulian, ancaman dan kandungan berbahaya lain yang biasanya melanggar syarat perkhidmatan atau piawaian komuniti perkhidmatan tersebut.

## Aktiviti Keluarga

### No. 1: Berhati-hati dengan nada anda

Nada percakapan kita di dalam talian merujuk kepada kesan yang ingin kita timbulkan di dalam hati penerima, sama ada baik atau buruk. Oleh sebab ibu bapa dan anak-anak menghantar teks, menggunakan apl pemesejan dan DM (mesej langsung) kepada satu sama lain sepanjang masa dan mengenali antara satu sama lain, mereka jarang memikirkan bagaimana teks diterima. Dengan orang yang kita kenali, menghantar mesej teks hanyalah satu lagi cara untuk berbual atau berhubung. Akan tetapi apabila orang tidak begitu mengenali antara satu sama lain, kadangkala teks atau emoji boleh ditafsirkan dengan cara yang sangat berbeza daripada maksud sebenarnya. Berikut ialah aktiviti mudah untuk membuatkan kita berfikir tentang perkara ini.

1. Dapatkan dua atau lebih telefon dalam keluarga anda. Buka mesej teks anda (atau aplikasi pemesejan yang digunakan oleh semua orang), dan mulakan perbualan antara dua ahli keluarga. Perbualan itu boleh jadi mengenai situasi sebenar atau rekaan, umpamanya sesuatu yang akan anda lakukan hujung minggu ini, sesuatu yang berlaku di sekolah, seseorang yang meminta bantuan ahli keluarga, dsb.
2. Baca perbualan itu dengan kuat dalam nada suara seperti gembira, sedih, marah, dsb.
3. Bincangkan tentang perkara yang anda perhatikan semasa mendengar bacaan tadi. Apakah perasaan anda apabila anda mendengarnya? Pada pendapat anda, apakah yang akan difikirkan atau perasaan seseorang di luar keluarga anda? Bolehkah teks itu boleh dikarang menggunakan perkataan yang lain?
4. Seterusnya, minta dua ahli keluarga yang lain melakukan perbualan teks dengan nada yang berbeza daripada yang pertama tadi: mungkin nada marah atau sedih. Baca teks itu dengan kuat dan bincangkan tentang kesan teks tersebut terhadap semua orang semasa mendengarnya.

### No. 2: Tindakan yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak tentang kenegatifan sosial

Berikut ialah beberapa isi perbincangan (dan soalan) untuk perbualan ibu bapa dan anak tentang adegan sosial di sekolah. Lihat pilihan yang sesuai untuk keluarga anda.

- Adakah rakan bersikap baik hati terhadap satu sama lain di sekolah?
- Pernahkah anda melihat seseorang berkali-kali menganiaya seseorang yang lain, atau untuk tempoh yang lama?
- Adakah anda kenal rakan yang terlibat itu?
- Adakah anda akan memberitahu saya jika mereka menganiaya anda? (Jika tidak, mengapa?)
- Jika penganiayaan itu berlaku kepada orang lain, apakah perasaan anda?

- Apakah tindakan anda?
- Adakah perbuatan itu berlaku di dalam talian? Saya pernah dengar anda boleh meredamkan atau menyekat mereka - adakah tindakan itu membantu? Jika tidak, adakah anda akan memberitahu saya sebabnya? Jika ya, bolehkah anda tunjukkan kepada saya cara anda melakukannya?
- Jika anda tidak berbuat apa-apa, adakah anda menyesal dan berfikir anda sepatutnya melakukan sesuatu?
- Jika perkara tersebut berulang, apakah yang akan anda lakukan?
- Adakah anda rasa itu akan membantu anda jika anda dibuli?
- Adakah anda rasa anda boleh membantu seseorang dengan menjadi baik atau sekadar mendengar?
- Anda tahu, jika seseorang yang melihat penganiayaan di dalam talian berkongsi siaran tersebut dengan orang lain, itu boleh memburukkan lagi keadaan, bukan?
- Adakah anda berasa selesa membantu rakan yang disakiti di dalam talian?
- Bagaimana anda akan melakukannya? Kritik perbuatan tersebut tanpa mengkritik pelakunya? Siarkan sesuatu yang baik tentang orang yang disakiti itu? Hantar teks atau DM kepadanya untuk menyatakan sokongan? Hantar teks atau DM kepada murid lain dan minta mereka menyokong individu itu di dalam talian atau secara peribadi?

Kadangkala, menjadi seorang pembela bermakna sekadar menjadi rakan kepada seseorang yang dibuli - mendengar luahan mereka, memberikan kasih sayang atau sekadar berada di sampingnya.

Jadilah Si Baik Hati  
Internet



### **Kerajaan Baik Hati ("Kind Kingdom")**

Aura yang baik mahupun buruk mudah tersebar. Di bandar yang kelihatan aman damai sekali pun, penyerang berkeliaran menyebarkan keburukan di mana-mana.


Sehat dan laporkan penyerang untuk menghentikan pengambilalihan oleh mereka dan berbuat baiklah kepada Internaut lain untuk mengembalikan keamanan di tanah ini!

Buka pelayar web pada desktop atau peranti mudah alih anda dan lawati [g.co/KindKingdom](https://g.co/KindKingdom)

# Jika Waswas, Berbincanglah

Kanak-kanak perlu tahu bahawa mereka tidak bersendirian apabila terlihat kandungan atau tingkah laku yang tidak wajar di dalam talian yang membuatkan mereka berasa tidak selesa - terutamanya jika kandungan tersebut menyakitkan hati mereka atau seseorang yang mereka sayangi.

Mereka tidak sepatutnya teragak-agak untuk mendapatkan bantuan daripada anda atau ahli keluarga lain yang mereka percayai. Beritahu mereka tentang pelbagai cara untuk menjadi berani dan mengambil tindakan, termasuk berbincang di luar talian dan menggunakan alat pelaporan dalam talian.





---

## Matlamat

- ✔ **Menggalakkan** kanak-kanak meminta bantuan apabila keadaan menjadi buruk atau mereka berasa tidak selesa, membantu mereka memahami bahawa menyokong orang lain dan meminta bantuan untuk memperbaiki keadaan adalah satu keberanian.
- ✔ **Mempertimbangkan** sama ada sesuatu situasi itu memerlukan perbincangan di luar talian dan bersemuka, melaporan penderaan di dalam talian atau kedua-duanya.
- ✔ **Mengetahui** pilihan untuk mendapatkan bantuan, di dalam dan luar talian.

---

## Sebelum Anda Bermula

Sebagai sebuah keluarga, ada baiknya anda menyediakan protokol atau pelan bantuan Internet. Protokol atau pelan tersebut tidak perlu rumit - cukup sekadar untuk membuat semua orang berfikir tentang punca dan cara meminta bantuan apabila keadaan menjadi buruk di dalam talian. Beberapa petua yang berguna:

- Takrifkan nilai anda sekeluarga. *Contohnya: "Dalam keluarga kita, kita melayan orang dengan \_\_\_\_\_ baik di dalam mahupun di luar talian"* (isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai dengan nilai dan norma tingkah laku keluarga anda - "hormat", "baik hati" atau "menjaga maruah")
- Sentiasa berkomunikasi dan jadikan rumah sebagai tempat yang selamat untuk bercakap tentang perkara yang berlaku di sekolah dan di dalam talian.
- Berkomunikasi dengan kerap tentang dasar atau peraturan keluarga mengenai nilai dan keutamaan pelbagai jenis penggunaan teknologi - untuk komunikasi, hiburan, bekerja, bermain, bersosial, dsb.
- Bincangkan sikap dan dasar keluarga tentang perkara yang boleh dan tidak boleh diterima bagi penggunaan peranti dan media, serta masanya.

## Perbendaharaan kata

### Protokol

Pelan "rasmi" untuk diikuti - untuk tujuan panduan ini, ini ialah langkah keluarga anda yang menggariskan perkara yang boleh dilakukan oleh anak-anak apabila mereka menjumpai sesuatu di dalam talian yang membuatkan mereka berasa tidak selesa.

### Percaya

Kepercayaan yang kuat bahawa sesuatu atau seseorang itu boleh dipercayai atau benar.

### Berani

Berani bukan bermaksud tidak tahu erti takut. Seseorang dianggap berani apabila berasa takut atau gementar tetapi tetap meminta bantuan atau mengambil tindakan yang wajar.

### Melaporkan penyalahgunaan

Dalam panduan ini, kami menggunakan istilah ini untuk merujuk kepada tindakan melaporkan masalah dalam apl dan perkhidmatan media sosial, yang kebanyakannya mempunyai alat atau sistem untuk anda berbuat demikian.

---

## Aktiviti Keluarga

### No. 1: Menetapkan protokol bantuan Internet keluarga anda

Duduk bersama-sama dan baca senario berikut dengan kuat (jika ada yang terfikir tentang senario lain, sila sertakan senario tersebut juga). Selepas setiap satu, terdapat 3 tempat kosong dan 3 kotak yang boleh anda pilih untuk ditandai. Sebagai sebuah keluarga, pilih sama ada anda akan melaporkan masalah di dalam talian, memberitahu ahli keluarga atau kedua-duanya. Jika anda tidak pasti, bincangkannya bersama-sama - keluarga anda mungkin mempunyai pandangan yang berbeza dan ini merupakan cara yang terbaik untuk mempraktikkan cara menangani dilema digital sebagai sebuah keluarga. Jika anda menandai kotak bagi melaporkan isu kepada ahli keluarga - isi tempat kosong dengan nama orang, mengikut keutamaan. Sebagai contoh, jika ibu/bapa atau penjaga ialah nombor satu, tulis nama atau nama panggilan mereka. Jika mereka sibuk, tulis orang yang akan menggantikan ibu bapa di ruang kedua and ketiga.

Tiada respons atau set respons yang "betul" bagi mana-mana senario ini - aktiviti ini bertujuan untuk membantu anda memperkukuh dan menyatakan komitmen terhadap pelan yang sesuai untuk keluarga anda. Mempunyai pelan tindakan yang jelas membantu menghilangkan keraguan dan menggalakkan komunikasi yang baik.

**Situasi 1:** Seorang pelajar di sekolah anda menyiarkan banyak komen buruk tentang salah seorang rakan anda. Anda boleh mengagak siapa yang melakukannya. Apakah tindakan anda? Siapakah yang harus anda hubungi? Isikan nama mereka di tempat kosong? Jika tiada persetujuan, bincangkan tindakan yang perlu diambil.

- Laporkan masalah itu di dalam talian \_\_\_\_\_
- Berbincang dengan ahli keluarga \_\_\_\_\_
- Kedua-duanya \_\_\_\_\_

**Situasi 2:** Kanak-kanak: Anda terjumpa beberapa foto yang sangat tidak sesuai di dalam talian. Apakah yang patut anda lakukan? Ibu bapa: Apakah yang patut anak anda lakukan?

- Laporkan masalah itu di dalam talian \_\_\_\_\_
- Berbincang dengan ahli keluarga \_\_\_\_\_
- Kedua-duanya \_\_\_\_\_

**Situasi 3:** Seorang sepupu menyiarkan foto kumpulan besar yang terdiri daripada semua orang semasa perjumpaan keluarga dan salah seorang ahli keluarga anda tidak menyukai penampilannya. Adakah anda akan meminta bantuan atau melaporkannya?

Jika “ya”, bagaimanakah akan anda melakukannya? Siapakah yang akan anda hubungi?

- Laporkan masalah itu di dalam talian \_\_\_\_\_
- Berbincang dengan ahli keluarga \_\_\_\_\_
- Kedua-duanya \_\_\_\_\_

**Situasi 4:** Anda sedang menonton video kartun. Tiba-tiba terdapat beberapa kandungan yang pelik dan membuatkan anda berasa tidak selesa. Apakah yang patut anda lakukan? Pada masa akan datang, bagaimanakah boleh anda mengurangkan atau mencegah “kejutan” yang tidak menyenangkan seperti ini?

- Laporkan masalah itu di dalam talian \_\_\_\_\_
- Berbincang dengan ahli keluarga \_\_\_\_\_
- Kedua-duanya \_\_\_\_\_

**Situasi 5:** Anda sedang bermain permainan dalam talian dengan rakan. Tiba-tiba seseorang pemain yang anda tidak kenali mula bersembang dengan anda. Perbualan orang itu biasa sahaja, namun anda tidak mengenalinya. Tentukan perkara yang patut dilakukan. Laporkannya? Berbincang dengan ahli keluarga yang lain?

- Laporkan masalah itu di dalam talian \_\_\_\_\_
- Berbincang dengan ahli keluarga \_\_\_\_\_
- Kedua-duanya \_\_\_\_\_

**Bawa isu itu ke peringkat yang seterusnya:** Adakah pemain dalam keluarga anda harus mengabaikan orang itu? Bercakap dengan baik dengan pendatang baharu itu sebagai sebuah kumpulan untuk mengetahui siapa dia (mengapa/mengapa tidak)?

**Situasi 6:** Seorang pelajar membuat komen dalam talian mencabar seorang pelajar lain bergaduh di kantin pada keesokan harinya. Bincangkan sebagai sebuah keluarga perkara yang patut mereka lakukan.

- Laporkan masalah itu di dalam talian \_\_\_\_\_
- Berbincang dengan ahli keluarga \_\_\_\_\_
- Kedua-duanya \_\_\_\_\_

**No. 2:  
Melaporkan  
masalah di dalam  
talian**

Sebagai sebuah keluarga, duduk bersama-sama dengan telefon, tablet, komputer riba atau komputer meja dan pastikan semua orang dapat melihat skrin.

Buka apl atau laman media sosial kegemaran anda menggunakan dua atau lebih akaun ahli keluarga dan cari cara melaporkan masalah dalam apl tersebut bersama-sama.

Kadangkala kanak-kanak lebih tahu cara menggunakan apl berbanding ibu bapa mereka. Membiarkan mereka menunjukkan dan berkongsi kepintaran media sosial mereka dengan anda boleh menjadi sesuatu yang menarik dan menyeronokkan! Jika ada ahli keluarga terfikirkan sesuatu yang lain yang ingin mereka pelajari ini merupakan masa yang sesuai untuk semua orang belajar tentang teknologi yang mereka gunakan bersama-sama.

# Seterusnya?

Wah. Begitu banyak kehebatan Internet untuk dicuba bersama-sama!

Kami berharap anda seronok mencuba beberapa idea dan aktiviti ini. Jika anda mahukan lebih banyak lagi atau ingin mendengar beberapa pandangan yang berbeza, lihat beberapa sumber tambahan kami.

Paling penting, berseronoklah meneroka perkara yang sesuai untuk keluarga anda, sambil anda semua mengembangkan kemahiran untuk menjadi **Pintar, Peka, Mantap, Baik Hati** dan **Berani** di dalam dan di luar Internet.

---

## Sumber tambahan untuk keluarga

### Google Family Link

[bit.ly/googlefamilylink](https://bit.ly/googlefamilylink)

### Kesejahteraan Digital Google

[bit.ly/googledigitalwellbeing](https://bit.ly/googledigitalwellbeing)

### Keibubapaan Digital yang Baik di FOSI

[bit.ly/gooddigitalparenting](https://bit.ly/gooddigitalparenting)

### Sambung dengan Selamat

[connectsafely.org](https://connectsafely.org)

### iKeepSafe

[ikeepSAFE.org](https://ikeepSAFE.org)

### Sumber Keluarga di National PTA

[bit.ly/familyresourcesPTA](https://bit.ly/familyresourcesPTA)

### "Pencarian Cerdik"

(daripada Google for Education)

[bit.ly/savvysearchingYouTube](https://bit.ly/savvysearchingYouTube)

### Keibubapaan Terhubung

[bit.ly/ConnectedParentingArticle](https://bit.ly/ConnectedParentingArticle)



# Panduan Family Link untuk Keluarga

## Panduan untuk menetapkan peraturan asas digital untuk keluarga anda.

Kehidupan kita hari ini dikelilingi pelbagai peranti digital yang sentiasa menuntut perhatian kita. Bagi keluarga, memahami dan mencipta peraturan asas digital di rumah merupakan langkah yang penting dalam mendidik anak-anak tentang hubungan mereka dengan teknologi. Namun ramai anak-anak dan remaja melihat perkara ini sebagai cubaan ibu bapa untuk “mengongkong” mereka. Ada cara yang lebih baik.

Dengan menjadikannya sebagai perbualan, anda boleh membantu anak anda memahami sebab peraturan ini penting. Topik di bawah menerangkan ciri yang ada pada Family Link, namun ibu bapa masih perlu berbincang mengenai penggunaan teknologi dengan anak mereka. Family Link ialah apl yang membantu ibu bapa mengikuti perkembangan anak mereka apabila anak mereka mula menggunakan peranti Android. Ibu bapa boleh menggunakan Family Link pada peranti Android\*, iPhone atau Chromebook mereka.

\*Untuk peranti kanak-kanak, Family Link dijalankan pada peranti Android yang menjalankan versi 7.0 (Nougat) dan ke atas. Peranti yang menjalankan Android versi 5.0 dan 6.0 (Lollipop dan Marshmallow) juga boleh menggunakan Family Link. Family Link juga berfungsi pada peranti Chromebook yang terpilih.

Lawati [families.google.com/familylink/device-compatibility](https://families.google.com/familylink/device-compatibility) dan Pusat Bantuan kami untuk mendapatkan butiran lanjut.

## Bimbing anak anda mencapai kandungan yang baik

Alangkah baiknya jika anda dapat mengetahui jumlah masa yang dihabiskan oleh anak anda dalam apl pendidikan berbanding apl yang dimuat turun oleh mereka. Anda boleh mengetahui cara anak anda meluangkan masa pada peranti mereka dengan ciri Family Link, seperti laporan penggunaan apl harian, mingguan dan bulanan.

### Sekatan kandungan dan kelulusan apl

Di Google Play Store, kanak-kanak boleh melihat permainan, filem, rancangan, buku, dan pelbagai lagi. Family Link membolehkan ibu bapa:

- Mengehadkan jenis kandungan yang boleh dilihat berdasarkan rating
- Mensyaratkan kelulusan untuk memuat turun kandungan (percuma atau berbayar)
- Menyemak maklumat apl apabila muat turun diminta untuk mengetahui sama ada apl itu mengandungi iklan, pembelian dalam apl atau kebenaran yang penting bagi anda

Beritahu anak anda tentang pelbagai rating kandungan yang wujud (seperti “E untuk Semua” berbanding “Remaja”) untuk menjelaskan sebab sekatan ini wujud untuk tahap umur yang berlainan. Selain itu, jelaskan kepada mereka jenis kandungan yang anda fikir sesuai untuk mereka.

### Laporan aktiviti apl

Lebih mudah untuk berbincang dengan anak anda tentang teknologi jika anda tahu perkara yang mereka suka lakukan dengan peranti mereka. Adakah anak anda suka bersembang? Suka bermain permainan? Ulat buku? Bercakap dengan anak anda tentang apl dan permainan yang paling mereka gemari dan lihat tempat mereka menghabiskan paling banyak masa dengan laporan aktiviti apl Family Link. Laporan ini memberikan pecahan jumlah masa yang diluangkan oleh anak anda pada setiap apl setiap hari, setiap minggu dan setiap bulan.

### Sembunyikan apl

Anda boleh menentukan masa skrin yang sesuai untuk anak anda bergantung pada perkara yang ditonton, dimainkan atau dipelajari oleh mereka. Jika laporan aktiviti menunjukkan anak anda terlalu banyak menggunakan apl tertentu (seperti permainan baharu kegemaran mereka), anda boleh menyembunyikannya daripada peranti mereka buat sementara waktu. Bincangkan dengan anak anda sama ada mereka berasa jumlah masa yang mereka gunakan adalah sihat atau tidak dan

terangkan kepada mereka sebab anda meminta mereka berehat. Tiada sejarah apl mereka (seperti kemajuan permainan atau markah tinggi) akan dipadamkan - apl itu hanya akan disembunyikan sehingga anda memutuskan untuk menjadikannya tersedia semula kepada anak anda.

Apabila membincangkan apl dengan anak anda, berbincanglah dengan mereka tentang apl dan permainan yang paling mereka gemari. Ini merupakan peluang yang baik untuk mengetahui perkara yang mereka minati, sambil memastikan mereka mengimbangi penggunaan apl ini dengan pelbagai perkara seperti lain pelajaran, kerja di rumah atau sekadar bermain di luar.

## Pantau masa skrin

Terpulanglah kepada anda untuk menentukan jumlah masa yang boleh diluankan oleh anak anda dengan peranti mereka, dan Family Link boleh membantu anda menetapkan had ini.

### Had masa skrin

Family Link membolehkan anda menetapkan had masa skrin harian untuk peranti Android anak anda. Ini merupakan peluang yang baik untuk meluankan sedikit masa bersama anak anda dan membincangkan jumlah masa yang munasabah untuk diluankan pada peranti setiap hari dan bersetuju dengan had yang sesuai untuk setiap ahli keluarga. Ibu bapa dan juga anak-anak boleh melihat jumlah masa skrin yang berbaki. Ini membolehkan ibu bapa berperanan aktif dalam mengurus penggunaan teknologi anak mereka. Anak-anak juga boleh menjadi proaktif dalam mengurus penggunaan teknologi mereka sendiri.

### Tetapkan waktu tidur

Apabila tiba masa untuk tidur, penting untuk meminimumkan gangguan untuk membantu anak anda mendapat tidur malam yang nyenyak. Family Link membolehkan ibu bapa menetapkan "waktu tidur" peranti pada waktu anak mereka sepatutnya berehat. Penting untuk kanak-kanak memahami faedah mental dan fizikal daripada waktu tidur tanpa peranti, umpamanya tenaga untuk melakukan yang terbaik di padang bola sepak atau tumpuan yang diperlukan untuk menghadapi ujian. Anda juga boleh mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kepada anak anda sebab anda juga berusaha untuk "menjauhkan diri" daripada peranti anda sendiri semasa bersiap sedia untuk tidur.



## Kunci peranti dari jauh

Apabila tiba masanya untuk membuat kerja rumah atau makan malam bersama-sama, ibu bapa boleh mengunci peranti anak mereka menggunakan apl Family Link. Ini merupakan peluang yang baik untuk berbincang dan membuat keputusan sebagai sebuah keluarga masa ahli keluarga boleh menggunakan peranti dan masa peranti itu sepatutnya disimpan. Keupayaan untuk mengunci peranti dari jauh memberi ibu bapa peluang untuk menerangkan tindakan mereka dan mengukuhkan keputusan keluarga.

## Ketahui lokasi mereka

Jika anda mempunyai anak yang lebih dewasa atau remaja, anda mungkin pernah mengalami situasi di mana anda berdiri di ruang tamu dan bertanya kepada diri sendiri, "Di mana anak saya?" Biasanya, mereka hanya diam di dalam bilik atau anda terlupa bahawa mereka berada di seberang jalan bersama rakan-rakan. Mujurlah anda boleh menggunakan Family Link untuk membantu mengesan lokasi anak anda, jika mereka membawa peranti mereka dan peranti itu dihidupkan.

## Hidupkan lokasi peranti

Terangkan kepada anak anda tentang sebab anda perlu melihat lokasi peranti mereka.

## Laraskan tetapan sewajarnya

Apabila anak anda semakin meningkat usia, anda boleh menukar banyak tetapan akaun dan peranti mereka dalam Family Link. Berbual dengan anak anda tentang perubahan ini dan cara perubahan tersebut membantu menyediakan mereka untuk mengurus akaun dan penggunaan peranti mereka sendiri pada masa akan datang.

## Buat Komitmen Keluarga

Walaupun Family Link boleh membantu anda mengikuti perkembangan anak anda semasa mereka melakukan penerokaan, ada baiknya anak-anak diberi maklumat yang mereka perlukan untuk menjadi penjelajah yang bijak dan yakin di dalam talian. Be Internet Awesome merupakan program yang mengajar keselamatan dan perilaku digital kepada kanak-kanak. Mulakan perbualan dengan anak anda tentang topik ini dengan menandatangani ikrar Be Internet Awesome bersama-sama. Anda juga boleh mengarahkan anak anda bermain Interland, permainan berasaskan web percuma yang memperkukuh topik membina kata laluan kukuh, bersikap baik di dalam talian, mengelakkan "*phishing*" (pancingan data) dan "*scam*" (penipuan) serta berhati-hati dengan reputasi dalam talian. Topik tersebut boleh dipautkan terus ke Interland daripada "Petua untuk Keluarga", yang terletak dalam menu apl Family Link.